

14/04/1999

Rakyat tahu menilai (HL)

Noordin Zakaria

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat Malaysia secara keseluruhannya bersifat pragmatik, mencintai keamanan dan menghargai kepemimpinan yang bertanggungjawab, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, rakyat juga mampu membezakan antara pemimpin yang popular untuk jangka pendek dengan pemimpin yang sudah terbukti dari segi rekod pencapaiannya.

"Kepemimpinan yang bertanggungjawab tidak melaungkan slogan kosong atau memesongkan penyokongnya, sebaliknya memiliki sifat sebagai negarawan, bijak serta melakukan perkara betul, bukan suatu yang popular," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan CD-ROM multimedia interaktif 'Mahathir: CEO Malaysia Inc' di sini hari ini.

Hadir sama Presiden Asian Strategy and Leadership Incorporated Sdn Bhd (Asli), Mirzan Mahathir dan Ketua Pegawai Eksekutif Asli, Datuk Michael Yeoh.

Abdullah berkata, dengan pemerintahan bersusila yang diamalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta sifat kepemimpinannya yang tegas serta berdisiplin, negara pasti dapat meningkatkan lagi mutu kejayaan untuk menuju Wawasan 2020.

Beliau percaya Dr Mahathir yang menjadi peneraju kepada perubahan, akan terus membawa rakyat ke arah masa depan baru dan lebih baik.

"Lebih 18 tahun beliau (Dr Mahathir) membawa perubahan kepada Malaysia dari segi sosial, ekonomi, fizikal dan politik.

"Saya yakin Dr Mahathir akan terus membantu rakyat melaksanakan perubahan dalam fasa pembangunan seterusnya untuk membolehkan kita memasuki alaf baru," katanya.

Abdullah berkata, adalah menjadi satu cabaran bagi kepemimpinan negara untuk membuktikan kemampuannya mengekalkan keharmonian yang dinikmati dan kejayaan yang dicapai dalam pelbagai bidang sejak lama.

Katanya, bukan mudah untuk mentadbir sebuah negara pelbagai kaum dan agama, terutama ketika menghadapi waktu sukar.

Menurutnya, dalam usaha memasuki alaf baru, semua pihak perlu memastikan jalinan sosial dan asas kukuh yang dibina secara susah payah oleh pemimpin, tidak dirosakkan.

"Malah, menjadi cabaran utama kepada pemimpin hari ini untuk memastikan yang kita meninggalkan sebuah negara yang kekal aman, stabil, maju dan dinamik kepada pengganti," katanya.

Beliau berkata, walaupun negara kini menghadapi masalah ekonomi, Dr Mahathir tetap berazam untuk melihat negara bangkit semula.

Menurutnya, sebelum krisis mata wang Asia melanda negara dua tahun lalu, Dr Mahathir sudah membawa peningkatan purata pendapatan tahunan Malaysia daripada AS\$300 seorang kepada US\$5,000 - satu pencapaian yang tidak banyak pemimpin dapat menyainginya.

Mengenai seruan supaya diadakan perubahan dan pembaharuan demokrasi dan hak asasi yang lantang kedengaran kini, Abdullah berkata hanya perubahan dan pembaharuan dengan agenda serta wawasan yang lebih jelas akan mampu membantu rakyat mendepani cabaran alaf baru.

Menurutnya, walaupun sesetengah perkara perlu berubah, banyak yang lain perlu dikekalkan dan dipertahankan.

CD-ROM 'Mahathir: CEO Malaysia Inc' adalah huraian yang berterus-terang, unik dan menyeluruh mengenai kepemimpinan Dr Mahathir. Ia juga membincangkan kemajuan negara melalui kepemimpinan strategik dengan

memfokus kepada Perdana Menteri.

CD-ROM berharga RM60 itu juga mengandungi lebih 35 ucapan Dr Mahathir dan pandangan daripada ahli politik, rakyat dan pemimpin industri.

Ia juga memaparkan temuramah eksklusif selama sejam dengan Dr Mahathir dan beliau bercakap antara lain mengenai hasrat bangsa Malaysia, kepemimpinan abad baru, arena politik Malaysia dan rancangan pemulihan ekonomi Malaysia.

Asli yang menerbitkan CD-ROM itu menyumbang 50 unit kepada Kementerian Luar dan Kementerian Pendidikan.

(END)